

2. PERALATAN NYANYIAN BONGAI

Mempersembahkan Nyanyian Bongai sebenarnya boleh dilakukan secara persendirian, iaitu dengan berpantun atau menyanyikan tanpa iringan sebarang alat bunyi-bunyian. Yang lebih utama dan penting di dalam persembahan Nyanyian Bongai ialah suara dan lagu-lagu yang dinyanyikan yang mengandungi puisi, pantun, seloka dan gurindam. Perkara ini jelas sewaktu bermulanya nyanyian yang dilakukan oleh Puteri Bongsu dan Puteri Kanun serta Dato' Sabun. Pada peringkat awal dahulu Nyanyian Bongai memang dilakukan tanpa iringan bunyi-bunyian, tambahan pula alat-alat tersebut tidak mudah diperolehi. Penyanyi ketika itu menggunakan kemerduan suaranya untuk mengancam penonton dan pendengar.

Oleh kerana kemerduan suara penyanyi hendak dijadikan lebih menarik dan mempersonakan, maka ketika menyanyi atau berlagu itu sengaja diiringkan dengan beberapa alat bunyi-bunyian yang ada dan mudah diperolehi ketika itu walaupun ianya dalam bentuk yang asas. Alat-alat tersebut bukan terdiri daripada yang canggih, malah ada kalanya sekadar mengetuk-ngetuk benda yang boleh mengeluarkan bunyi secara teratur dan tersusun. Bila selera berubah terasa kurang pedas atau masin maka ditambahkan pemangkinnya untuk menjadikan lauk yang digulai bertambah enak, cukup dengan pedas dan terasa masinnya. Begitulah ibaratnya Nyanyian Bongai kemudiannya diselingkan dengan maianan alat bunyi-bunyian seperti tetawak (gong) dan seruling (bangsi). Alat seperti tetawak atau gong tidak mudah dibuat. Bangsi biasanya dibuat daripada buluh yang mudah diperolehi di sekitar tempat kediaman kerana ia tumbuh meliar tanpa ditanam orang. Orang mampu membuat bangsi dalam sehari dua sahaja atau dengan kata lain boleh membuat bangsi sebanyak mana sekali pun dalam tempoh yang singkat.

Kemajuan teknologi semakin meningkat, pembuatan alat bunyi-bunyian semakin pelbagai dan canggih, maka penambahan alat-alat dilakukan dan dimasukkan ke dalam permainan Nyanyian Bongai ini tanpa menjejaskan keharmonianannya malah ia dapat menambahkan keindahan persembahannya. Nyanyian Bongai diperagamkan lagi dengan alat bunyi-bunyian yang sesuai, mudah dan menggalakkan. Lantaran itu Nyanyian Bongai semacam tidak lagi hidup kalau tidak diiringi dengan alat bunyi-bunyian, setakat lagu dan berpantun tidak lagi mendatangkan minat mendalam di kalangan penonton dan peminat. Selera mereka mahukan kepada sesuatu yang baru yang dapat menambat dan mengusik hati ketika menonton atau mendengar. Selera 'tua' tidak dapat lagi memukau kerana keghairahan yang baru yang lebih mengancam (Hussein Abdul Rashid 10.9.93).

Sehubungan dengan itu berlakulah penambahan alat bunyi-bunyian di dalam Nyanyian Bongai. Alat-alat tersebut ialah talempong, rebana, biola gendang, tamborin, akodian dan salung. Kesemuanya sesuai tetapi tidak sekaligus alat-alat tersebut dimainkan. Semuanya bergantung kepada kesempatan dan kemampuan persediaan yang dapat dihimpun. Ada pasukan yang sekadar mempunyai tiga atau empat jenis alat sahaja, ini adalah disebabkan kesukaran mendapatkan pemain yang berkebolehan. Kebanyakan alat tersebut perlu dipelajari kemahiran bermainnya sesuai dengan kehendak nada bunyi muzik kini. Walau bagaimanapun kombinasi alat-alat tersebut dalam keadaannya yang sempurna dapat menambahkan kerancangan persembahan dan memikat penonton atau pendengar dengan lebih berselera.

Akhirnya kehadiran alat bunyi-bunyian tersebut dalam persembahan Nyanyian Bongai telah menjadi semacam suatu kemestian yang tidak boleh tidak. Tanpa alat bunyi-bunyian pengiring persembahan Nyanyian Bongai tidak diadakan. Kekurangan pada alat utama perlu diganti atau dicari pemainnya supaya persembahan tidak menjadi tawar dan hambar semacam tidak ada 'kick'nya. Kerana itu alat bunyi-bunyian sudah menjadi penting dan disediakan sebelum memulakan sesuatu persembahan. Semasa pembukaan gelanggang alat bunyi-bunyian mengambil peranan utama dan dimainkan secara instrumental. Apabila alat-alat ini dimainkan, ia menjadi suatu semangat kepada pemain dan penyanyi untuk meneruskan persembahan. Pantun-pantun dan seloka didendangkan dengan penuh semangat keriangannya malah dapat diluahkan dalam pelbagai situasi perasaan yang terkandung di dalamnya dapat dibawakan. Tegasnya memainkan alat-alat bunyian tidak dapat dipisahkan lagi dengan Nyanyian Bongai, ketiadaan alat-alat tersebut boleh menempang dan merosakkan persembahannya.

Seperti yang telah dinyatakan bukan semua alat tersebut dimainkan dalam satu masa. Persembahan yang paling mudah dan asas perlu ada sekurang-kurangnya tiga jenis alat, iaitu tetawak (gong), rebana dan bangsi (seruling, serunai dan salung). Tetapi untuk suatu persembahan yang menarik, alat-alat perlu ditambah dengan memasukkan gendang, biola dan ada juga rebab serta akodian dan tamborin. Tetapi berlainan dengan persembahan lagu 'Rentak Kuda' ia hanya memerlukan alat tetawak (gong) dan rebana sahaja. Ini adalah disebabkan lagu-lagunya agak terbatas dan yang penting ialah rentaknya supaya mudah diikuti oleh penyanyi (Zambrin Muis 7.6.93).

Kajian boleh dilakukan ke atas alat bunyi-bunyian yang digunakan dalam persembahan Nyanyian Bongai secara lebih terperinci dan ilmiah.

Kaedah 'organography' (4), boleh dijalankan, iaitu suatu kaedah yang berdasarkan kepada yang tradisional. Alat bunyi-bunyian tradisional seperti yang dinyatakan di atas dan banyak lagi boleh diklasifikasikan kepada kumpulan-kumpulan tertentu berdasarkan bahan-bahan yang dipakai atau digunakan dalam proses membuatnya dan cara alat-alat tersebut dimainkan. Secara mudah kita boleh bersandar kepada sistem yang telah diasas atau diformulakan oleh seorang pengkaji muzik Victor Mahillon (1888) yang telah menunjukkan beberapa ciri tertentu digunapakai dalam berjenis-jenis alat tradisional ini. Namun apabila dilaksanakan sistem ini, terdapat sedikit kelemahannya. Lantaran itu sistem tersebut dimantap dan diperkemas lagi oleh dua orang penyelidik muzik. Mereka ialah Curt Sachs dan Erichs M. Von Hombostel. Kedua insan seni ini dapat merumuskan bahawa semua alat bunyi-bunyian dapat diklasifikasikan kepada empat kumpulan utama (Ku Zam Zam Ku Idris 1980:1)

Pembahagian yang dilakukan dikelompokkan dalam nama-namanya yang khas:

1. Idiofon
2. Aerofon
3. Membranofon
4. Kordofon

Alat bunyi-bunyian yang disebut 'idiofon' ialah terangkum di dalamnya semua alat yang menghasilkan getaran bunyi melalui pukulan pada rangka badannya seperti alat tetawak (gong dan yang sejenis dengannya), canang, kerincing, loceng, zilofon dan seumpamanya. Sementara dalam pembahagian yang kedua ialah alat bunyi-bunyian yang melahirkan gelombang bunyi melalui lubang udara. Alat-alat yang dimaksudkan ialah salung, serunai, seruling, bangsi, trumpet, klarinet, tenorseksofon dan sebagainya yang menggunakan tiupan pernafasan sama ada melalui mulut atau hidung. Kumpulan kedua ini berjumlah di dalam istilah 'earofon'. Pembahagian seterusnya ialah semua alat bunyi-bunyian yang getaran bunyinya dihasilkan oleh paluan ke atas kulit muka (kulit binatang) yang tegang. Alat yang tergulung di dalam kategori ini dinamakan 'membranofon' ialah rebana, gendang dan kompang dalam pelbagai bentuk sama ada kecil atau pun besar. Ia termasuk juga sejenis alat bunyi-bunyian 'tambur upih' (5). Alat bunyi-bunyian tersebut dibunyikan

-
- (4) organography ialah diskripsi mengenai peralatan bunyi-bunyian (muzik). Ia lebih menumpukan kepada ciri-ciri fizikal, bahan akustik dan sejarahnya sahaja (Nik Mustafa Mohd. Salleh 1989:5).
- (5) Sejenis alat bunyi-bunyian yang menggunakan upih pinang yang dipasang pada sebuah lubang tanah dengan pantakan kayu yang kemas dan direntang seutas rotan belah empat dan dipukul dengan dua kerat kayu (Haji Ismail bin Abdul Hadi 1994:46)

sama ada menggunakan paluan tangan atau alat kayu yang dibuat khusus berukuran sebesar jari kelingking. Pembahagian yang akhir ialah semua alat bunyi-bunyian yang mengeluarkan bunyi melalui getaran pada tali yang ditegangkan (chord). Alat-alat yang dikategorikan dalam kumpulan ini ialah biola, rebab, gitar, koto (Jepun), sarod dan sitar (India), sapeh, gambus, kecap dan sebagainya.

Ternyata keempat-empat pembahagian alat bunyian itu ada terdapat dalam peralatan muzik tradisioanal Melayu Negeri Sembilan amnya dan Nyanyian Bongai khasnya. Kumpulan Nyanyian Bongai Yayasan Negeri, Negeri Sembilan dalam pelbagaikan alat-alat telah memasukkan tiga set Talempong, satu akordian dan dua tamborin ketika membuat persembahan (Kamarul Ibrahim 21.3.89).

2.1. MENGENAL ALAT BUNYI-BUNYIAN - SECARA RINGKAS

Seperti yang telah dijelaskan pada asalnya, alat bunyi-bunyian yang digunakan dalam Nyanyian Bongai tidaklah banyak, tetapi kini dalam satu persembahan Nyanyian Bongai telah menggunakan peralatan yang banyak. Namun untuk tujuan ini cuma diperkenalkan alat-alat paling asas sahaja, iaitu tetawak (gong), rebana, talempong, serunai dan bangsi.


2.1.1. Tetawak (Gong)

Tetawak atau gong adalah sejenis alat bunyi-bunyian yang dipalu dalam kumpulan idiofon. Ia dipercayai berasal dari negara China. Tetawak atau gong ini muncul pada abad ke-6 di bahagian baratdaya China. Kemudian gong tersebar luas ke India, Asia dan Nusantara. Alat ini menyerupai mong, talempong dan canang. Cuma bentuknya berbeza, ada yang kecil dan ada yang besar serta memakai nama-nama tertentu. Gong bersaiz besar dinamakan ' gong betina ' sementara yang bersaiz kecil dipanggil ' gong jantan ' . Gong betina mengeluarkan bunyi yang kuat dan garuk atau garau. Sementara gong jantan pula mengeluarkan bunyi perlahan dan halus (Rejab F.I. 1979: 20).

Gong dibunyikan dengan cara dipalu menggunakan sekerat kayu atau rotan (jenis manau). Bahagian hujung kayu atau rotan dibalut dengan kain atau getah sekerap. Untuk memainkan gong ia terpaksa digantungkan kepada penyangkutnya yang juga diperbuat daripada kayu dengan bentuknya yang tertentu. Ada yang diperbuat daripada kayu dengan bentuknya yang tertentu. Ada yang seperti bumbung yang melentik dengan ukiran yang menarik. Gong selalunya diperlukan sebuah sahaja untuk Nyanyian Bongai ini. Gong diperbuat daripada perunggu atau tembaga yang dicampur timah dengan menggunakan acuan. Bagi mendapatkan keharmonian semasa persembahan gong tidak dipalu dengan kuat. Ia dipalu secara sederhana lembut dengan tujuan tidak menenggelamkan alat bunyi-bunyian lain yang turut mengiring sama. Alat gong ini memberikan kesan bunyi sebagai tanda penamat sesebuah lagu yang dimainkan. Tanpa penyertaan dan kehadiran gong persembahan Nyanyian Bongai akan tawar ibarat gulai tanpa garam.


2.1.2. Rebana

Alat rebana berasal dari Asia Barat yang dahulu disebut Timur Tengah. Rebana dibawa masuk ke wilayah Nusantara oleh pedagang dan mubaligh Islam serentak dengan kedatangan agama Islam itu sendiri. Sambil menyebarkan




Gambar Fotograf 3

Tetawak atau gong yang disangkutkan pada rumah penyangkutnya dengan menggunakan tali belati dan pemukulnya.



Gambar Fotograf 4

Salah sebuah gong yang terdapat di Muzium Balalomp, Gowa, Sulawesi Selatan.




Gambar Fotograf 5:

Dua buah gong turut dipamer di suatu pameran alat-alat muzik tradisional di Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995.




Gambar Fotograf 6

Seorang pemain gong sedang memalu gong dalam satu persembahan kebudayaan sempena Dialog Selatan II di Pekanbaru Riau, Indonesia 1995.



Gambar Fotograf 7

Gong dimainkan secara dikandar oleh dua orang. Pengandar belakang memalu gong.



Gambar Fotograf 8

Gong diatur tiga sebaris dipalu secara bergilir dipersembahkan semasa perasmian Hari Puisi Nasional di Sematau, Sarawak.

dan berdakwah mengenai agama Islam (pada mulanya bertumpu ke Sumatera) kemudiannya dibawa masuk ke Negeri Sembilan, alat rebana tidak ditinggalkan. Ia dimainkan dalam sambutan acara-acara agama menyambut kebesaran Islam.

Alat rebana yang kedapatan di Negeri Sembilan sama sahaja bentuk dan ukurannya dengan rebana yang kedapatan di tempat-tempat lain. Balur atau badannya diperbuat daripada pelbagai jenis kayu keras mengikut kemahuan setempat. Pokok kayu yang sering digunakan ialah batang pokok cempedak, cempunik, bangkung, merbau dan penak. Kulit rebana diperbuat daripada belulang (kulit) binatang ternakan seperti kulit kambing (termasuk biri-biri), kerbau, lembu dan yang lebih baik ialah kulit kijang atau kulit rusa (hasil buruan). Belulang ini diikat pada balur dengan rotan (biasanya rotan sega) ia dijalin dengan cantik dan kemas dengan membuat anyaman tulang belut. Rebana dipasang belulang pada sebahagian muka sahaja yang diberi bingkai. Ia mempunyai penyendal yang dinamakan 'sedak' (6) yang bertujuan untuk mengendur atau menegangkan kulit (belulang) yang dijadikan permukaan rebana. Ukuran biasa sebuah rebana mempunyai garis pusat, rebana bersaiz besar ialah 25sm hingga 38sm sementara rebana bersaiz kecil ialah 18sm hingga 26sm (Yaakob Idrus 1982:21). Salah seorang tukang rebana yang dianggap handal dan baik mutu buatannya ialah Arshad Amin tinggal di kampung Padang, Astana Raja, Kota, Negeri Sembilan dan juga Zainudin Andika atau dikenali dengan panggilan 'Pak Din' (berasal dari Perak) yang banyak mengambil tempahan luar seperti dari Kedah, Terengganu, Johor, Wilayah Persekutuan dan tempatan serata Negeri Sembilan.

Ada beberapa cara untuk memainkan rebana, ia boleh dimainkan sambil duduk atau sambil berdiri atau pun sambil berjalan. Rebana dibunyikan dengan cara ianya dipalu dengan tangan dan jari-jari. Penggunaan jari-jari ini berbeza bilangannya. Ada kalanya menggunakan empat jari, ada masanya pulanya menggunakan satu jari sahaja iaitu jari tangan (jari hantu). Bahagian rebana yang dipalu ialah pada bahagian tengah-tengah. Paluan dibahagian tengah-tengah ini menghasilkan bunyi yang kuat dan boleh didengar dengan jelas walaupun pada jarak yang jauh.


-
- (6) Sedak adalah rotan yang digunakan bagi menegangkan kulit muka rebana sebelum sebarang persembahan dimulai. Ianya digunakan dengan cara ditekan dengan penyedak (iaitu kayu yang digunakan menekan sedak) di tepi keliling bibir antara baluh dan belulang di sebelah dalam rebana. Penggunaan sedak ini bertujuan untuk mendapatkan bunyi yang lantang dan padu.

Sementara paluan di birai (tepi) mengeluarkan bunyi yang halus, ringan dan lembut kerana hanya menggunakan hujung jari. Kedua jenis bunyi ini sangat diperlukan semasa memainkan rebana untuk sesuatu persembahan. Dalam menentu dan mengenal jenis bunyi bagi paluan rebana, ada juga istilah atau nama tertentu yang diberikan. Bagi paluan ini di tengah-tengah permukaan belulang rebana yang menghasilkan bunyi kuat ia dikenali dengan panggilan 'bum', sementara bunyi di birai iaitu yang mengeluarkan bunyi lembut dipanggil 'cak' (Kamarul Ibrahim 21.3.89)


Seorang pemain rebana menggunakan dua belah tangan untuk membuat paluan. Tangan kiri memegang balur rebana dengan kedudukannya yang menegak serong sambil jari-jari mengetek-getek membuat paluan halus dan perlahan, iaitu pada bahagian atas rebana yang ditegakkan. Sementara tangan kanan membuat paluan rentak dengan membuat paluan 'bum' dan paluan 'cak'. Dalam keadaan biasa pemain rebana memalu sambil duduk, iaitu duduk bersila dengan meletakkan rebana di atas pangkuan peha kiri yang berkedudukan menyerong. Keadaan demikian ialah untuk memberi keselesaan kepada pemain membuat paluan.

Dalam persembahan Nyanyian Bongai, rebana diperlukan dua buah. Satu rebana utama dan satu rebana peningkah. Seperti juga tetawak atau gong mempunyai fungsi tertentu, maka rebana juga tetawak atau gong mempunyai fungsinya yang khas iaitu dijadikan sebagai pengawal rentak lagu. Begitu juga dalam Nyanyian Bongai, rebana mengawal rentak lagu. Bunyi paluan rebana yang biasa ialah: 'cak, cak, cak, cak, bum, bum'

Bunyi-bunyi tersebut dilakukan berulang di sepanjang persembahan pada satu-satu lagu dan akan berubah pada lagu-lagu yang lain. Bunyi-bunyi tersebut kalau dibuatkan transkripsi nota muzik moden, ia berbentuk demikian:



Md. Isa Suki 1989: (14)




Gambarajah 1
Bahagian-bahagian rebana




Gambar Fotograf 9

Salah seorang pemain kumpulan Pesbudi, Lenggeng, Seremban menunjukkan cara memainkan rebana secara duduk.



Gambat Fotograf 10

Rebana dilihat dari atas menampakkan bahagian permukaan yang dibuat daripada belulang.



Gambar Fotograf 11

Rebana dilihat dari bahagian bawah menampakkan ruangan dalamnya.



Gambar Fotograf 12

Kumpulan Dikir Rebana Kampung Tanjung Keling Rembau, Negeri Sembilan menunjukkan bermain rebana secara berjalan sewaktu mengarak pengantin.



Gambar Fotograf 13

Kumpulan Rebana menyambut ketibaan tetamu di Malam Kebudayaan Dialog Selatan II, Pekanbaru, Riau, Indonesia pada 12.12.95 di Dewan Dang Merdu.

2.1.3. Talempong

Talempong disebut juga Taklempong atau Caklempong. Alat ini dibawa masuk ke Negeri Sembilan oleh orang Minangkabau yang kemudian menetap di kawasan-kawasan tertentu. Ia masih kekal dalam bentuknya yang asli, ini adalah kerana alat ini sering dibeli terus dari Minangkabau yang berpusat di Bukit Tinggi. Hal ini adalah kemudahan perjalanan yang semakin menggalakkan sama ada menerusi laut atau pun udara. Kemunculan permainan talempong seperti yang diakui oleh masyarakat Minangkabau, Sumatera Barat adalah dikaitkan dengan satu cerita legenda yang berlaku di kampung Tanah Datar, Minangkabau yang sangat popular.

Lagenda Tuanku Lareh

'Tuanku Lareh (Laras) ialah seorang raja yang sangat dihormati lagi disegani. Susur galur atau salasilahnya adalah seketurunan dengan Laras Mungka, Laras Mahat dan Laras Muara Takus. Tuanku Lareh mempunyai pengaruh dan kuasa yang sangat besar bagi masyarakat di Talang Anau (Boestanoel Arifin Adam 1986: 16). Ketika Tuanku Lareh hendak ditabalkan diadakan suatu majlis untuknya. Ketika majlis berjalan tiba-tiba Tuanku Lareh ghaib dilarikan oleh Puteri Kayangan. Ketika berada di kayangan baginda Tuanku Lareh sempat menyaksikan persembahan dan mendengar bunti-bunyian yang sangat merdu dimainkan. Tuanku Lareh dibenarkan pulang semula ke dunia sambil mengingati bunyi, lunak dan merdu alat bunyi-bunyian yang telah didengarnya.

(Mahmud Abdullah 20.5.95).

Sekembalinya Tuanku Lareh ke dunia, baginda memerintahkan rakyat berusaha membuat alat bunyi-bunyian seperti yang dilihat dan didengari di kayangan. Usaha demi usaha, cipta demi cipta dilakukan oleh rakyat akhirnya berjaya dilakukan. Alat yang dapat dicipta itulah dinamakan 'talempong'. Lama kelamaan alat ini menjadi kegemaran ramai kerana keindahan bunyinya dan tersibarlah ke merata kawasan Minangkabau dan seterusnya dibawa masuk ke Negeri Sembilan. Talempong sudah berada di Negeri Sembilan lebih 500 tahun.


Sekali pandang bentuk talempong adalah sama dengan tetawak, gong atau canang. Cuma saiznya sahaja yang berbeza dan juga bentuk sedikit berlainan. Talempong juga diperbuat daripada bahan yang sama seperti membuat gong atau tetawak, iaitu dari perunggu atau tembaga berbentuk periuk yang berbusut di bahagian tengah. Jika diukur pada kebanyakan saiz secara lilitan di sebelah atasnya ialah 50sm dan di sebelah bawahnya 45sm dan tingginya 10sm. Pada

asalnya talempong dimainkan hanya sebanyak 5 buah dengan nadanya yang berlainan (walaupun bentuknya sama besar) . Tetapi sekarang sudah banyak kumpulan talempong yang memainkan sebagai suatu set penuh sebanyak 55 bonang seperti yang terdapat pada kumpulan Bongai Maktab Perguruan Raja Malewar, Seremban dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (Nordin Aziz 28.10.95).


Talempong mempunyai peranannya yang tersendiri yang diberikan kepada pemain-pemain. Set Gertih yang memalukan melodi sama peranannya dengan pemain gitar utama. Set Sawa pula berperanan seperti ' bass ' dan set Tingkah berperanan seperti memainkan kord-kord sahaja. Talempong dipalu dengan menggunakan keratan kayu sederhana besar atau rotan manau sepanjang 30sm. Bahagian hujung yang dipukulkan pada tombol atau busut dibalut dengan kain atau getah. Alat ini boleh dimainkan sambil duduk atau berdiri.

Bermain sambil duduk, binang-bonang talempong diletakkan secara tersusun dalam dua baris di atas bingkai. bingkai ini diperbuat daripada papan dalam bentuk seperti rak empat persegi bujur dengan petak-petaknya. Di bahagian petak-petak ini direntangkan tali yang dinamakan tali para iaitu tempat meletakkan bonang-bonang talempong (Erman makmur 1984:22). Alat talempong yang dipalu itu dapat dibuatkan nota dan nada melalui skel diatonic. Lantaran itu biji-biji talempong disusun dengan menggunakan nada seperti yang terdapat pada piano, iaitu DO, RE, ME, FA, SO LA, TI dan DO.

Bagi kumpulan Budaya Yayasan Negeri Sembilan, biji-biji (bonang) talempong disusun mengikut set-setnya. iaitu set gertih mengandungi 13 biji talempong dengan menggunakan not pertamanya C. Sementara set tingkah mengandungi 14 biji bonang dengan not pertamanya G (Kamarul Ibrahim 21.3.89.).



Gambarajah 2
Bentuk Sebiji (Bonang) Talempong



Gambarajah 3
Bingkai Talempong




Gambar Fotograf 14

Biji Talempong (bonang) diletakan di atas tali para mengikut kedudukan nada suaranya.



Gambar Fotograf 15

Cara biji (bonang) talempong dimainkan dengan menggunakan keratan kayu atau manau yang diletakkan di atas tali paranya.



Gambar Fotograf 16

Kumpulan Budaya Yayasan Negeri Sembilan sedang mempersembahkan sebuah lagu tradisional dengan menggunakan alat talempong. Mereka memainkan ketiga-tiga set: gertih, tingkah dan sawa.

2.1.4. Serunai

Serunai dikenali juga dengan beberapa nama lain, seperti 'surnay' (Parsi), 'Pei' (Thailand) dan 'sernai' (utara Semenanjung). Serunai adalah sekeluarga dengan seruling (7), bangsi (8) dan puput (9). Serunai dikatakan berasal dari Pulau Telibun berhampiran sebuah pekan bernama Trang, Thailand. Masyarakat Melayu terutama petani sebenarnya telah biasa dengan 'serunai batang padi' dan meniupnya untuk menghiburkan hati serta menghilangkan kesepian tatkala berada di bendang sawah terutama pada musim menuai atau mengetam.

Serunai selalunya dibuat daripada buluh diberi lubang sama ada lima atau tujuh, serunai mempunyai pemipit atau disebut juga lidah, baluh dan serombong yang dipasangkan pada baluh bagi mengelakkan bunyi atau menyaringkan nada (Ku Zam Zam Ku Idris 1983:1). Kelongsong batang serunai diradak berterusan dengan besi sehingga bunyi yang diinginkan terbit, pipit serunai diperbuat daripada daun tar, nadinya besi kepalanya dari kayu petir manakala batangnya menggunakan kayu merbau dan copongnya dibuat daripada kayu nangka. Memainkan serunai sambil duduk dinamakan 'bersila lendik' (W. Zulkifli W. Yaakob 1993:22). Serunai dipegang lurus ke bawah dan untuk membunyikannya ia perlu ditiupkan angin menerusi lidah melalui baluh dan keluar ke serombongnya. Jari digunakan untuk menutup dan membuka lubang-lubang bagi menghasilkan bunyi dengan nadanya yang tertentu. Setiap jari diberi peranan, ibu jari untuk membuka katup lubang jerit, sementara jari-jari yang lain pada tangan kanan untuk lubang petik pertama, kedua dan ketiga. Bagi jari kelima digunakan untuk menahan batang serunai. Sementara jari-jari tangan kiri turut memberi fungsi. Jari kedua, ketiga, keempat dan kelima diletakkan pada lubang petik keempat, kelima dan keenam serta ketujuh mengikut susunan (Ibid:18).


Dalam Nyanyian Bongai serunai memainkan peranan melodi. Bagi menyesuaikan keadaan dan mencantikkan kombinasi Nyanyian Bongai ini,

-
- (7) Seruling : (ring flute) : satu jenis seruling buluh yang mempunyai cincin rotan pada hujung tiupannya untuk menutup setengah daripada jaluran angin yang keluar daripada mulut pemain (Arsenio Nicolas 1994:79).
 - (8) Bangsi : Diperbuat daripada buluh (talang), berukuran pendek sekitar 36sm hingga 38sm. Bangsi memiliki variasi nada yang lebih lengkap iaitu 8. Lubang nadanya sebanyak 7 buah. Bahagian ujung terdapat lubang suara yang kecil (Erman Makmur 1984:17).
 - (9) Puput: Disebut juga 'puput batang padi' atau 'puput gadang (Padang Panjang) atau 'puput tingkolong (pesisir selatan disebut juga puput liolo dan di Agam disebut 'puput ole-ole' (Erman Makmur 1984:18).

kadang-kadang peranan serunai ini diambil oleh biola (ada juga yang menyebut violin), iaitu suatu alat moden mempunyai kelunakan bunyinya yang tersendiri. Walau bagaimanapun di tempat yang ketiadaan biola, serunai atau bangsi atau serunai atau puput dimainkan. Kawasan Lenggeng, Seremban sering menggunakan salung (10), sementara di Jelevu memakai alat seruling (ada juga menggunakan rekoder), di Tanjung Ipoh memakai seruling dan biola. Bagi kawasan-kawasan lain menggunakan alat tiupan yang kedapatan di kawasan masing-masing.

Alat seruling, serunai, bangsi, puput atau biola adalah merupakan alat asas dalam memainkan Nyanyian Bongai yang tanpa kehadirannya menjadikan persembahan janggal atau tidak lengkap. Serunai atau biola merupakan alat pertama yang dimainkan semasa membuat persembahan. Ia dimainkan secara solo dan kemudian diikuti alat-alat yang lain.

-
- (10) Salung : Ialah alat tiup klasik orang Minangkabau. Dibuat daripada seruat buluh talang sebesar ibu jari yang panjangnya kira-kira setengah meter. Ia mempunyai 4 buah lubang. Salung ditiup dari lubang di hujung. Suaranya cukup bergema. Biasa ditiup oleh anak-anak penggembala atau petani (Sjarif. R St Marah Laut 1970:20). Salung bambu tipis yang berlubang polos tanpa buku sepanjang 60sm dapat menghasilkan nada pentatonis (Erman Makmur 1984:13).



Gambar Fotograf 17

Alat salung yang turut digunakan dalam Nyanyian Bongai.



Gambar Fotografi 18

Seorang pemain serunai menunjukkan cara-cara bagaimana ianya dimainkan dengan kedudukannya yang betul. Kedua-dua tangannya digunakan bagi membuka katup lubang pada badanserunai itu yang mengeluarkan nada bunyi yang berlainan setiap satunya.

2.1.5. Alat-alat Sampingan

Detik berlalu dan zaman berubah serta selera bermacam ragam. Kemajuan teknologi pintas memintas dalam kebanyakan perkara. Bidang hiburan mengalami perubahan paling mendadak dan cepat. Alat-alat muzik menjadi lebih canggih dengan penggunaannya juga lebih bersistem. Alat-alat tersebut seperti piano, gitar, organ dan seumpamanya. Dalam Nyanyian Bongai kesempatan ini tidak dibiarkan begitu sahaja, pengembang permainan Nyanyian Bongai telah mengubah selera dengan memasukkan pelbagai alat muzik yang lain supaya menjadi lebih meriah dan mempersonakan. Namun ianya tidak langsung merosak atau menjejaskan keharmonian dan keaslian lagu-lagu yang dipersembahkan. Lantaran itu Kumpulan Pesbudi, Lenggeng memasukan alat-alat sampingan lain seperti akordian, gendang dan tamburin (Zambrin Muis 11.9.95). Begitu juga dengan Kumpulan Budaya Yayasan Negeri Sembilan memasukan alat akordian, biola dan tamburin (Kamarul Ibrahim 21.3.89).

2.1.5.1 Gendang

Seperti mana tetawak atau gong, gendang juga dikatakan berasal usulkan dari kayangan. Namun pendapat sarjana dan budayawan mengatakan bahawa gendang berasal dari negara India, kerana gendang didapati dalam pelbagai bentuk di India. Lebih meyakinkan lagi oleh kerana adanya alat yang diberi nama ' Gendang Keling '. Di Negeri Sembilan memang terdapat alat bunyi-bunyian yang diberi nama gendang ini, ia biasanya dimainkan bersama alat-alat lain di dalam beberapa persembahan muzik tradisional seperti talempong, silat dan Nyanyian Bongai.

Badan gendang diperbuat daripada kayu nangka, cempedak atau cempunik. ' Temalang ' adalah panggilan lain kepada badan gendang. Cara menutup lubang gendang agak unik, kerana lubang di sebelah pangkal ditutup dengan belulang lembu dan lubang di hujung ditutup dengan belulang kambing. Ini dilakukan bagi menentukan perbezaan bunyinya. Cara membuat gendang juga agak rumit, kulit atau belulang perlu dilekatkan ke temalang dengan menggunakan dua lingkaran buluh dan rotan saga (bulat) dijadikan pemegang bagi menghubungkan belulang lembu dan belulang kambing dan sebagai tambahan alat penegang beberapa pasak kayu dimasukkan ke bawah lingkaran buluh dan pada temalang ditebuk lubang kecil untuk laluan udara.

Menurut Hasan Manar seorang pemain gendang di Tanjong Ipoh, Kuala Pilah, bermain gendang perlu belajar. Gendang pelu diletakkan betul-betul di

atas pangkuan di antara kedua-dua lutut dengan meletakkan muka gendang yang besar di sebelah kanan dan muka gendang yang kecil di sebelah kiri. Peranan paluan di muka gendang yang besar seolah-olah paluan bass kerana paluannya rapat-rapat dan paluan satu-satu untuk gendang muka kecil. Paluan kedua-dua muka gendang berjalan serentak. Belajar memalu gendang boleh memakan masa bertahun-tahun kalau mahukan kemahirannya (Abdul Jalil Salim 1977-78:121).

2.1.5.2. Biola

Bagi negara kita biola diperkenalkan oleh orang Portugis semasa pemerintahannya di Melaka yang bermula dari tahun 1511 hingga 1640 lagi. Oleh kerana terlalu lama berbaluk dengan masyarakat Melayu, maka alat biola ini telah menjadi semacam hak kepada orang Melayu dan telah menggunakan alat biola ini dalam beberapa acara kesenian. Kalau di Melaka biola ini dijadikan alat pengiring nyanyian Dondang Sayang, maka di Negeri Sembilan alat biola ini telah dijadikan alat pengiring dalam Nyanyian Bongai pada setengah-setengah tempat di mana alat tiupan serunai, seruling bangsi atau salung tidak didapati. Penggunaan alat biola ini timbul kerana dapat menambahkan indahnya sesuatu persembahan nyanyian yang diadakan. Tegasnya ia amat sesuai dengan persembahan muzik tradisional.

Masa dahulu serunai dan rebablah yang menjalankan peranan melodi dalam lagu-lagu Melayu, tetapi sejak perkakas biola diperkenalkan kepada masyarakat, maka didapati bunyinya lebih seronak didengar, maka jadilah perkakas itu sebagai pengganti kepada perkakas yang telah biasa tetapi oleh kerana melalui prosesnya yang begitu lama berdekad dan berabad masyarakat Melayu tidak canggung menggunakannya dalam beberapa bentuk kebudayaan dan keseniannya.

Seperti kebanyakan alat muzik, biola juga diperbuat daripada kayu yang direka dalam bentuknya yang nipis seperti gitar. Biola dimainkan secara digesek ke atas empat utas tali yang direntang dan dililit pada kunci tali di hujung pemegang biola. Kemahiran menggesek tali dan menggetar-getarkan tangan sangat perlu bagi seseorang penggesek biola kerana tali-tali yang direntang mempunyai sekatan nada, kalau jarak sehunpun ia akan mengeluarkan bunyi yang berlainan. Salah seorang tokoh pengesek biola handalan ialah Hamzah Dolmat yang sepanjang hayatnya memperhambakan dirinya bersama biola 'ajaib'nya.



Gambar Fotograf 19

Dua orang kanak-kanak sedang memalu Gendang, yang di hadapan membuat paluan dengan menggunakan tapak tangan sementara kanak-kanak di belakang memalu dengan menggunakan tapak tangan dan sekerat kayu. Kelihatan temalang cantik dengan diwarnakan.




Gambar Fotograf 20

Gendang bersama alat bunyi-bunyian yang lain.




Gambar Fotograf 21

Salah seorang Kumpulan Pesbudi sedang menunjukan cara bermain gendang.



Gambar Fotograf 22

Sejenis gendang yang boleh digunakan untuk Nyanyian Bongai terdapat di Unit Kebudayaan Universiti Kebangsaan, Malaysia.



Gambar Fotograf 23
Biola dan penggeseknya



Gambar Fotograf 24

Seorang pemain biola sedang menggesek biolanya memainkan lagu bersama-sama dengan pemain alat muzik gambus sambil diperhatikan oleh beberapa orang kanak-kanak.



Gambar Fotograf 25

Seorang pemain sedang menggesek biola di Malam Kebudayaan sempena Dialog Selatan II, Pekanbaru Riau, Indonesia 1995.



Gambar Fotograf 26
Biola digesek sambil berdiri.

2.1.5.3. Akordion

Akordion ialah sejenis alat muzik yang dimainkan dengan menekan-nekan bahagian-bahagiannya yang tertentu dengan jari tangan (Kamus Dewan 1989:20). Biasanya dengan jari tangan kanan tetapi bagi yang mengiri atau mengidal menggunakan jari tangan kiri. Bahagian tertentu yang dimaksudkan ialah mata akordion yang menyerupai mata alat piano. Akordion hanya mengeluarkan bunyi apabila matanya ditekan mengikut nada yang diperlukan bersama dengan tarikan tangan (kanan atau kiri). Tangan dimasukkan di celah tali penarik, sementara jari menekan butang-butang angin bagi menambah keharmonian bunyi.


Alat muzik akordion bukan alat muzik tradisional negeri ini tetapi merupakan alat muzik moden yang telah lama dijadikan alat sampingan dalam persembahan muzik tradisional Melayu Negeri Sembilan. Penggunaan alat ini semata-mata untuk menambahkan seri dan mempelbagaikan persembahan. Namun begitu penggunaan alat ini sudah begitu cocok dengan kehendak dan kemahuan muzik tradisional. Kehadiran alat ini tidak langsung mencacatkan persembahan malah dalam setengah-setengah irama ia dapat diharmonikan dengan beberapa alat-alat muzik tradisional yang lain. Hal ini dapat dilihat kesannya dalam persembahan joget, inang, romba, samba dan seumpamanya termasuk irama asli.

Dalam persembahan Nyanyian Bongai alat ini dapat menambah 'kelunakan' irama yang dimainkan, namun tanpa kehadiran akordion Nyanyian Bongai dapat didendangkan dengan alat-alat asas dan alat sampingan yang lain.



Gambar Fotograf 27

Salah seorang Kumpulan Pesbudi (Nordin Aziz) menunjukkan cara bermain akordion



Gambar Fotograf 28
Seorang pemain alat arkodion.